

25/06/2003

Kepemimpinan tertinggi Umno bantu tawan Kelantan

KOTA BHARU: Seluruh kepemimpinan tertinggi Umno Pusat mempunyai dan meletakkan komitmen tinggi untuk membantu dan menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Umno Kelantan juga berterima kasih dengan komitmen tiga Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang optimis Kelantan dan Terengganu boleh dirampas semula Umno.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga tidak pernah putus asa dan sentiasa memberi keyakinan dan komitmen untuk melihat Kelantan kembali ke pangkuan Umno dan BN.

"Kita ada strategi di Kelantan dan mungkin (tiga) Naib Presiden juga boleh memberi panduan mengenai program, perancangan dan strategi untuk dilaksanakan bagi memastikan hasrat merampas semula Kelantan tercapai.

"Terima kasih kerana memberi komitmen kepada Kelantan dan Terengganu dan sedar mereka sentiasa memberi perhatian berat sering sering melakukan lawatan ke Kelantan.

"Malah, Presiden, Timbalan Presiden dan ahli Majlis Tertinggi (MT) pun, semua mempunyai komitmen sama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Negeri Kelantan di Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan di sini, semalam.